

06 JUL 1999

Singapura-Kampung Glam

MEDIA MALAYSIA DITUDUH CAMPUR TANGAN DALAM ISU KAMPUNG GLAM

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 6 Julai (Bernama) -- Media Malaysia, terutamanya televisyen swasta TV3, dibidas di Parlimen Singapura hari ini dan dituduh campur tangan dalam hal ehwal Singapura dan boleh mencetuskan ketegangan kaum berhubung isu Istana Kampung Glam.

Beberapa anggota Parlimen berkata laporan mengenai pembangunan semula kawasan istana lama itu menjadi Pusat Warisan Melayu oleh media Malaysia bersifat negatif dan diputarbelitkan.

Ketika menyuarakan sokongan mereka bagi pembinaan pusat warisan itu, anggota-anggota Parlimen itu merujuk kepada kemarahan Malaysia berhubung lidah pengarang Business Times Singapura baru-baru ini yang mempersoalkan tempoh jawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Kehakiman S.Jeyakumar, yang juga Menteri Luar, berkata beliau bersetuju dengan pendapat anggota-anggota Parlimen itu bahawa "laporan tidak bertanggungjawab itu boleh dianggap campur tangan dalam hal ehwal dalaman kita."

"Laporan media itu sengaja diputarbelitkan dan menonjolkan isu dalaman yang sensitif tanpa mengambil kira kerosakan kepada keharmonian kaum dan kestabilan sosial di Singapura," katanya.

Beliau menjawab soalan yang dibangkitkan semasa perbahasan berikutan bacaan kali kedua pindaan kepada Ordinan Sultan Hussain di Parlimen hari ini.

"Hampir semua media di sana menyatakan perkara yang sama dan ini secara tidak langsung mencadangkan bahawa ia satu tindakan balas yang dirancang terhadap Singapura," kata anggota parlimen Mohamad Maidin.

Para anggota Parlimen itu merujuk kepada rencana Utusan Malaysia dan Utusan Melayu dan sebuah rencana mengenai Istana Kampung Glam yang disiarkan TV3 minggu lepas dan membincangkannya dengan panjang lebar.

"Masalah yang berbangkit daripada penempatan semula penduduk Istana Kampung Glam merupakan hal ehwal dalaman Singapura. Dengan menulis artikel yang tidak benar dan diputarbelitkan mengenai perkara-perkara sensitif, artikel mengenai hal ehwal dalaman kita cuba mencetuskan ketegangan di antara kaum di Singapura," kata Yatiman Yusof, anggota Parlimen dan Setiausaha Parlimen Kanan bagi Kementerian Penerangan dan Kesenian.

Anggota Parlimen Kampung Glam Loh Meng See berkata media massa di kedua-dua belah Tambak harus bertimbang rasa dan tidak campur tangan di dalam politik negara antara satu sama lain.

"Masyarakat Cina di Singapura sangat berhati-hati tidak memperjuang dan membidas pihak berkuasa Malaysia mengenai isu-isu Cina Malaysia sama ada mengenai Kampung Cina atau tanah warisan Cina di Melaka, Kuala Lumpur, Ipoh atau Pulau Pinang," katanya.

Anggota Parlimen Ibrahim Othman berkata orang Melayu di Singapura berbangga dengan sejarah Kesultanan Melayu mereka tetapi kini lebih realistik dan mahu bergerak ke hadapan bersama-sama arus perdana bagi menghadapi alaf baru.

"Masyarakat Melayu Singapura tahu mengenai sandiwara yang dimainkan oleh media jiran kita. Ingat, orang Melayu Singapura bukan bidak dalam permainan catur negara itu," kata seorang lagi anggota Parlimen, Harun Ghani, Setiausaha Politik kepada Menteri Dalam Negeri.

Jeyakumar berkata laporan media Malaysia termasuk program TV3 itu telah salah lapor bahawa bangunan istana lama itu akan diruntuhkan dan kerajaan telah "merampas tapak itu dan menghalau 300 penduduk di situ."

"Lagipun kebanyakan laporan media dengan sengaja tidak menyatakan bahawa projek itu bertujuan mewujudkan Pusat Warisan Melayu yang bukan sahaja menguntungkan masyarakat Melayu tetapi juga memelihara warisan pelbagai budaya Singapura," katanya.

Beliau juga berkata sebahagian besar daripada 79 pewaris tidak menetap di Singapura dan daripada mereka yang masih berada di sini, hanya 14 yang menetap di tapak istana lama itu.

"Setakat ini, 64 pewaris atau 81 peratus daripada pewaris itu telah memaklumkan kepada Pejabat Tanah bahawa mereka memilih untuk menerima bayaran secara pukal," katanya.

Para pewaris itu akan menerima S\$350,000 setahun selama 30 tahun.

-- BERNAMA

TCL AKD